

Headline	PERANGKAP UMRAH MURAH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,785



PERANGKAP UMRAH MURAH

// **93 kes penipuan** umrah difail ke TTPM tempoh 3 bulan pertama 2014 babit tuntutan RM899,692

// 761 kes tuntutan penipuan difail tahun lalu babit **kerugian RM4.37 juta**

// Imam, selebriti diguna pengaruhi mangsa sertai **pakej serendah RM1,400**

▶ BERITA MUKA 5



Headline	PERANGKAP UMRAH MURAH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,785

Penipuan umrah menjadi-jadi

» *Pakej serendah RM1,400 guna pengaruh imam, selebriti*

Penipuan umrah semakin serius dengan kes difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) meningkat hampir 100 peratus daripada 381 kes pada 2012 kepada 761 kes, tahun lalu. Kumpulan itu menggunakan modus operandi bergerak dari surau ke masjid selain menggunakan individu berpengaruh untuk menipu umat Islam. Wartawan BH, SYED AZWAN SYED ALI membongkar isu penipuan pakej umrah bagi mencari punca dan jalan penyelesaiannya secara tuntas.

Headline	PERANGKAP UMRAH MURAH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,785

► Kuala Lumpur

Penipuan pakej umrah semakin meningkat apabila ramai mangsa ditipu individu atau syarikat pelancongan menawarkan pakej serendah RM1,400, selain menggunakan taktik licik dan bergerak dari surau ke masjid untuk memerangkap mangsa.

Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, sebanyak 93 kes dakwaan penipuan umrah difailkan dengan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), membabitkan tuntutan bernilai RM899,692.

Malah, statistik juga menunjukkan peningkatan hampir 100 peratus kes tuntutan penipuan umrah yang difailkan pada tahun lalu, iaitu 761 kes berbanding 381 kes pada 2012, masing-masing membabitkan kerugian RM4.37 juta dan RM2.71 juta.

Ia amat membimbangkan berbanding hanya 37 kes yang difailkan pada 2009.

Siasatan *BH* mendapati pihak tidak bertanggungjawab ini sama ada yang bergerak sebagai syarikat, kumpulan atau orang perseorangan kini semakin licik, termasuk menggunakan individu berpengaruh seperti imam, tokoh agama atau selebriti bagi mempengaruhi mangsa untuk mengikut pakej ditawarkan.

Kebiasaannya, individu berpengaruh ini digunakan sebagai daya penarik untuk mengumpul jemaah bagi mengikut pakej umrah ditawarkan dan membayar sejumlah deposit sebelum ditipu atas pelbagai alasan, termasuk tidak mendapat kelulusan visa dari Arab Saudi.

Sumber industri menyifatkan kes penipuan umrah di negara ini semakin serius berikutan jumlah jemaah yang menjadi mangsa meningkat hampir setiap tahun.

Permintaan meningkat

Katanya, penipuan berlaku disebabkan permintaan yang semakin meningkat, selain industrinya yang luas dan tidak dikawal selia oleh mana-mana badan seperti jemaah haji dikawal selia Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

“Ia semakin serius dan menjadi-jadi. Kerajaan perlu bertindak segera atau keadaan akan menjadi semakin parah,” katanya.

Terkini, media pada 17 April lalu melaporkan tiga syarikat dikenal pasti polis terbabit dalam penipuan pakej umrah membabitkan kerugian kira-kira RM300,000, termasuk sebuah sindiket yang dalangi seorang lelaki bersama tiga isterinya.

Antara modus operandi digunakan syarikat itu ialah menawarkan pakej umrah bernilai antara RM1,400 hingga RM13,200 kepada jemaah umrah sebelum membatalkan rombongan selepas menerima

bayaran penuh atas pelbagai alasan, khususnya gagal mendapatkan visa dari Arab Saudi.

Pada 27 Oktober lalu, media turut melaporkan sebuah agensi pelancongan didakwa menipu kira-kira 1,200 bakal jemaah umrah membabitkan kerugian RM4.8 juta selepas penerbangan mereka ditunda beberapa kali, selain syarikat terbabit gagal mengembalikan wang mangsa.

Sumber industri itu memberitahu, kebanyakan mangsa tidak menyedari ditipu sehinggalah penerbangan mereka terkandas atau wakil syarikat tidak muncul seperti yang berlaku ke atas 100 bakal jemaah umrah dari Kedah, Perlis, Pe-

rak dan Pulau Pinang, yang terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, hujung tahun lalu.

Semua mereka, termasuk seorang mangsa yang membayar hampir RM50,000 bagi diri dan tujuh ahli keluarganya untuk pakej umrah selama 11 hari, ditipu sebuah syarikat pengurusan umrah beribu pejabat di utara Semenanjung.

Persoalannya kenapa penipuan umrah ini semakin menjadi-jadi di negara ini padahal negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Brunei tidak menghadapi masalah sama?

“Ketika ini ada lebih 400 agensi pelancongan Bumiputera dengan 90 peratus daripanya mengendalikan pakej umrah, ia pasaran besar tetapi

tidak dikawal,” kata seorang pemain industri.

Headline	PERANGKAP UMRAH MURAH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	1,5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,785

